



YAYASAN TUN RAZAK
LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA
KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023

MAKLUMAT YAYASAN TUN RAZAK

AKTA PENUBUHAN

Undang-Undang Malaysia (Akta 178) - Akta Yayasan Tun Razak 1976

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH 2023

Tun Mohammed Hanif Omar	-	Pengerusi
Tan Sri Dato' V.C. George	-	Ahli
Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	-	Ahli
Tan Sri Nazir Razak	-	Ahli
Dato' Hj. Hasbullah Yusof	-	Ahli
Dato' Mohamed Dahan Abdul Latiff	-	Ahli
Mohamed Ayaz Ismail	-	Ahli
Shahri Ahmad Shaharuddin	-	Ahli (Wakil Perbendaharaan)
Tan Chong Lii	-	Ahli
Charlaine Adrienne Chin	-	Ahli
Tengku Harith Aziz	-	Setiausaha

PEJABAT

Yayasan Tun Razak
CG, Horizon Penthouse
1 Powerhouse, Persiaran Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor.

JURUAUDIT:-

Jabatan Audit Negara Malaysia
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

BANK:-

CIMB Bank Berhad
No.6, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

PERUNDING PERCUKAIAN:-

PricewaterhouseCoopers Taxation
Services Sdn. Bhd
Level 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur

PENGURUS DANA:-

AmFunds Management Berhad
Level 10, Bangunan AmBank Group
55 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

LATAR BELAKANG YAYASAN TUN RAZAK (YTR)

Yayasan Tun Razak (YTR) telah ditubuhkan pada tahun 1976 di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178) sebagai penghargaan terhadap jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak yang begitu banyak kepada agama, bangsa dan negara.

YTR diurus dan ditadbir oleh sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak yang mempunyai kuasa dan budibicaranya sendiri untuk menentukan Yayasan berada dalam pengurusan yang baik dan menjalankan aktiviti berasaskan kepada objektif penubuhannya.

Ahli-ahli Lembaga Yayasan Tun Razak adalah terdiri dari:-

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong;
- (b) seorang wakil Perbendaharaan; dan
- (c) tidak lebih daripada lapan belas ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi.

OBJEKTIF

Tujuan Yayasan ditubuhkan adalah untuk:-

- ❑ mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- ❑ mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- ❑ menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
- ❑ menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan
- ❑ memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

LAPORAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.

LAPORAN KEWANGAN

Yayasan Tun Razak (YTR) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada tahun 1976 mengikut Akta Parlimen 178. Mulai Disember 2022, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil alih fungsi sebagai kementerian pengawal daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

YTR dikategorikan sebagai agensi biaya sendiri kerana tidak menerima peruntukan tahunan kerajaan dan aktiviti serta kos pengurusan dibiayai melalui pendapatan janaan sendiri. YTR tidak dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan tahunan, pada kadar semasa cukai korporat.

Secara ringkas kedudukan kewangan YTR bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:-

Jenis Perbelanjaan	2023 (RM)	2022 (RM)
Jumlah Hasil	1,736,442	3,670,682
Keuntungan sebelum cukai	559,797	2,665,693
Jumlah Perbelanjaan	841,776	1,070,686
Keuntungan selepas cukai	447,132	2,187,677
Jumlah Aset	77,094,799	77,069,312

Kadar cukai pendapatan dikenakan adalah mengikut kadar cukai korporat (24%).

Hasil pendapatan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM1,736,442 berbanding RM3,670,682 pada tahun 2022. Pengurangan ini disebabkan pada 2022 YTR memperoleh pendapatan daripada pemulihan aset luar jangka - pelaburan dalam sekuriti hutang korporat.

Perbelanjaan bagi tahun 2023 berkurangan kepada RM841,776 berbanding RM1,070,686 pada tahun 2022.

AKTIVITI DAN PERKEMBANGAN SEMASA

Sejak penubuhannya, YTR ditadbir oleh Sekretariat yang kecil bagi memastikan kos pentadbiran dikekalkan pada tahap minima dan perbelanjaan ditumpukan kepada aktiviti.

Program Kepimpinan Tun Razak (PKTR) yang telah dimulakan sejak tahun 1993 berjaya diaktifkan kembali setelah dua tahun tidak dapat dilaksanakan berikutan Covid-19. 51 orang pelajar cemerlang seluruh Malaysia pelbagai kaum telah mendapat manfaat daripada PKTR. Sebilangan besar kini sedang melanjutkan pengajian peringkat A-Level dan akan ke luar negara atas tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Khazanah, MARA, UEM dan sebagainya.

Bagi memupuk budaya kecemerlangan di kalangan mahasiswa universiti serta memperingati Tun Abdul Razak sebagai tokoh yang mempercayai dan bijak mencungkil bakat muda, Anugerah Tun Abdul Razak bagi graduan terbaik diteruskan pada tahun 2023 dengan 3 penerima seperti berikut :

- i. Sharifah Umairah Binti Syed Mustaffa (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- ii. Keng Qing Le (Universiti Sains Malaysia)
- iii. Nur Fatimah Ahmad (Universiti Putra Malaysia)

Setiap pemenang menerima wang tunai RM5,000 dan pingat.

Sempena mengenang 100 tahun kelahiran Tun Abdul Razak, YTR meneruskan lagi sesi pengkisahan bagi memperkenalkan Allahyarham Tun Abdul Razak kepada golongan muda khususnya di Sabah dan Sarawak. Sempena Minggu Perpaduan di Kuching, Sarawak, sesi Bicara Negarawan - Tun Abdul Razak telah diadakan pada 24 Mei 2023. Program Citra Merdeka – Memperingati Legasi Bapa Pembangunan pula diadakan pada 20 September 2023 di Kota Kinabalu, Sabah sempena sambutan Hari Malaysia. Ia direalisasikan bersama Arkib Negara Malaysia.

YTR sentiasa mengkaji setiap aktiviti yang dilaksanakan demi memastikan ia terus relevan dan bukan bersifat tahunan semata-mata. Bantuan kewangan kepada pelajar luar bandar telah ditamatkan setelah lebih 10 tahun dilaksanakan. Satu aktiviti CSR baru bersifat holistik akan dilaksanakan bagi menggantikan inisiatif bantuan kewangan.

Selain itu, Memorial Tun Abdul Razak atau dahulunya dikenal sebagai Seri Taman perlu diberi nafas baru untuk menarik minat generasi muda mengunjunginya. Kami komited untuk melaksanakan proses naik taraf dan rejuvenasi bagi mengembalikan kegemilangan bangunan bersejarah ini. Untuk itu, kerjasama antara YTR, Arkib Negara Malaysia dan Think City sedang dirancang bagi menjadikannya sebagai pusat rujukan sosio ekonomi dan politik negara.

PENUTUP

YTR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Dato' V.C. George yang telah menamatkan khidmat sebagai Ahli Lembaga. YBhg. Tan Sri telah memberi sumbangan besar kepada YTR sejak 22 tahun lalu. Lembaga juga ingin merakamkan penghargaan kepada YB Menteri Perpaduan Negara yang turut membantu menjayakan program YTR sepanjang 2023.

Sekian, terima kasih.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah



(DATO' MOHAMED DAHAN ABDUL LATIF)



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUN RAZAK
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUN RAZAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Yayasan Tun Razak dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 15.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Tun Razak pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Yayasan Tun Razak 1976 [Akta 178].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Tun Razak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Tun Razak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Yayasan Tun Razak 1976 [Akta 178]. Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Tun Razak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Tun Razak;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pemegang Amanah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Yayasan Tun Razak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Yayasan Tun Razak tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pemegang Amanah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain


Pihak Yayasan Tun Razak perlu berusaha untuk mengguna pakai piawaian Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) dalam penyediaan Penyata Kewangan supaya selaras dengan arahan Jabatan Akauntan Negara.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Tun Razak berdasarkan keperluan Akta Yayasan Tun Razak 1976 [Akta 178] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 OKTOBER 2024



**PENYATA AHLI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH**

Kami, DATO' MOHAMED DAHAN ABDUL LATIFF dan DR. MOHAMED AYAZ ISMAIL yang merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN TUN RAZAK dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan YAYASAN TUN RAZAK pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATO' MOHAMED DAHAN ABDUL LATIFF

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Tarikh : - 9 OCT 2024
SELANGOR

Bagi pihak Lembaga,



DR. MOHAMED AYAZ ISMAIL

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Tarikh : - 9 OCT 2024
SELANGOR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN TUN RAZAK**

Saya, TENGKU MOHD HARITH TG AB AZIZ, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan YAYASAN TUN RAZAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di SELANGOR)
pada - 9 OCT 2024


.....

Di hadapan saya,



B-2-13, Capital 2, Oasis Square,
No. 2, Jln PJU 1A/7A,
Ara Damansara,
47301, Petaling Jaya, Selangor.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023**

	<u>NOTA</u>	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama	5	27,641,265	27,641,265
Pajakan Belum Diterima	6	1	1
Jumlah Aset Bukan Semasa		27,641,266	27,641,266
ASET SEMASA			
Inventori	7	58,635	79,308
Deposit dan Pelbagai Penghutang	8	20,916	10,030
Pelaburan Aset Kewangan	9	43,330,440	44,636,063
Tunai dan Kesetaraan Tunai	10	5,496,066	4,155,169
Cukai Belum Diterima		547,476	547,476
Jumlah Aset Semasa		49,453,533	49,428,046
Jumlah Aset		77,094,799	77,069,312
EKUITI			
Rezab Penilaian Semula	11	29,464,890	29,464,890
Lebih Pendapatan Berkumpul		47,167,612	46,720,480
		76,632,502	76,185,370
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pendapatan Tertunda – Geran Kerajaan	12	-	-
Peruntukan Gratuiti	17	368,555	368,555
Jumlah Liabiliti Semasa		368,555	368,555

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023**

	<u>NOTA</u>	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang Pelbagai		69,325	55,377
Peruntukan Cukai Belum Dibayar	16	24,417	460,010
Jumlah Liabiliti Semasa		93,742	515,387
Jumlah Liabiliti		462,297	883,942
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		77,094,799	77,069,312

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

	<u>NOTA</u>	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Hasil	13	1,736,442	3,670,682
		1,736,442	3,670,682
Pendapatan Lain :			
Keuntungan Nilai Saksama atas Pelaburan Saham Tersiar Harga	9	(334,869)	65,691
Lain-lain Pendapatan		-	6
Perbelanjaan Kakitangan	14	(293,098)	(636,393)
Perbelanjaan Operasi Yang Lain	15	(548,678)	(434,293)
Keuntungan Sebelum Cukai		559,797	2,665,693
Cukai	16	(112,665)	(478,016)
Keuntungan Selepas Cukai		447,132	2,187,677

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

	<u>REZAB</u> <u>PENILAIAN</u> <u>SEMULA</u> (RM)	<u>LEBIHAN</u> <u>PENDAPATAN</u> <u>TERKUMPUL</u> (RM)	<u>JUMLAH</u> (RM)
Baki pada 1 Januari 2022	29,464,890	44,532,803	73,997,693
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	2,187,677	2,187,677
Baki pada 31 Disember 2022	<u>29,464,890</u>	<u>46,720,480</u>	<u>76,185,370</u>
Baki pada 1 Januari 2023	29,464,890	46,720,480	76,185,370
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	447,132	447,132
Baki pada 31 Disember 2023	<u><u>29,464,890</u></u>	<u><u>47,167,612</u></u>	<u><u>76,632,502</u></u>

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Dividen Pelaburan Saham Tersiar Harga	616,854	364,080
Dividen Pelaburan Unit Amanah	180,137	210,285
Faedah Pelaburan	1,366,027	3,235,832
Pembayaran Tunai Deposit Sewa	(10,886)	(6,330)
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja dan Perbelanjaan	(1,008,163)	(659,542)
Pembayaran Tunai Kepada Pemiutang	(47,364)	(139,309)
Perolehan Tunai Dari Operasi	1,096,605	3,005,016
Pembayaran Cukai	(289,000)	(289,000)
Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Operasi	807,605	2,716,016
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Jualan Sekuriti Hutang	1,389,949	1,600,032
Pelaburan Sekuriti Hutang	(1,001,100)	(1,953,300)
Pembelian Saham Tersiar Harga	(2,222,722)	(4,710,323)
Perolehan Jualan Saham Tersiar Harga	2,367,165	465,590
Perolehan Lain	-	6
Lebihan/(Kurangan) Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	533,292	(4,597,995)
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,340,897	(1,881,979)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	4,155,169	6,037,148
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	5,496,066	4,155,169

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

1 MAKLUMAT AM

1.1 YAYASAN DAN AKTIVITI UTAMA

Yayasan Tun Razak (YTR) ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak (Akta 178) pada 28 Oktober 1976. Objektif penubuhannya adalah untuk mengekal nama baik, mengenang jasa dan meneruskan hasrat Allahyarham Tun Abdul Razak, menggalakkan persefahaman dan keamanan antara kumpulan dan bangsa serta memperbaiki standard pelajaran dan taraf hidup rakyat. Untuk mencapai objektif tersebut, pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya penganugerahan Anugerah Tun Abdul Razak kepada individu atau sesebuah pertubuhan yang telah menyumbang perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat, anugerah kepada graduan terbaik universiti, Program Kepimpinan Tun Razak bagi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia, bantuan persekolahan, penerbitan buku serta video biografi Tun Abdul Razak, aktiviti kebajikan dan sebagainya. YTR diberi kuasa untuk menerima, mengumpul dan mengurus dananya sendiri.

1.2 JUMLAH KAKITANGAN

YTR mempunyai 2 orang kakitangan pada akhir tahun kewangan selain daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah.

1.3 ALAMAT BERDAFTAR

CG, Horizon Penthouse, 1Powerhouse
Persiaran Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor.

2 TARIKH KELULUSAN PENERBITAN

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Ahli Lembaga pada 26 April 2024.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

3 DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan atas asas harga kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan dengan berpandukan kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

(b) Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama

Syarikat Usaha Sama adalah pengaturan kontrak di mana dua atau lebih pihak menjalankan aktiviti ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama. YTR mengiktiraf pelaburan dalam syarikat usaha sama berdasarkan kriteria kawalan bersama. YTR telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 1 Disember 1995 dan menubuhkan syarikat usaha sama, iaitu YTR Harta Sdn. Bhd. Tujuan penubuhan syarikat usaha sama ini adalah untuk membangunkan dan menguruskan bangunan pejabat di atas tanah yang dimiliki oleh YTR.

Pelaburan YTR dalam syarikat usaha sama diambilkira dengan menggunakan kaedah model kos. Dibawah kaedah model kos, pelaburan dalam syarikat usaha sama diiktiraf pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Dividen diterima daripada pelaburan diiktirafkan sebagai hasil.

(c) Pelaburan Aset Kewangan

Pelaburan Aset Kewangan dikelaskan sebagai aset semasa. Pelaburan Sekuriti Hutang diukur pada nilai kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Manakala, Pelaburan Saham Tersiar Harga diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos terlunas sekuriti hutang dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Nilai saksama saham tersiar harga yang didagangkan dalam pasaran aktif adalah berdasarkan harga pasaran yang tercatat pada laporan bulanan pelaburan.

Pelaburan Sekuriti Hutang perlu dirosot nilai setiap bulan.

(d) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh laksana bersih. Nilai boleh laksana bersih adalah jangkaan harga jualan pada urusan biasa perniagaan, tolak perbelanjaan jualan. Inventori meliputi buku-buku penerbitan dan barangan siap. Kos diambil kira berdasarkan kaedah "*First in First Out*" (FIFO).

(e) Pemiutang Pelbagai

Pemiutang pelbagai dinyatakan pada kos.

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

3 DASAR PERAKAUNAN (SAMB')

(f) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila ada obligasi dan undang-undang semasa, kesan daripada kejadian lepas, apabila ada kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan daripada ikatan tersebut dan anggaran yang pasti tentang amaun yang boleh diperuntukkan.

(g) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit di dalam bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(h) Cukai

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang dikanunkan atau dikanunkan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka akan dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas.

(i) Perbelanjaan Kakitangan

Faedah jangka pendek

Gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh kakitangan. Faedah bukan kewangan seperti penjagaan kesihatan dan perbelanjaan kakitangan yang lain dikenakan ke dalam penyata pendapatan pada bila-bila masa.

Rancangan sumbangan yang ditetapkan

Undang-undang Malaysia mewajibkan syarikat membuat caruman KWSP. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan berkaitan. Sumbangan Yayasan kepada pelan yang ditetapkan dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh berkaitan dengannya. Sebaik sumbangan dibayar, Yayasan tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

(j) Hasil

Pendapatan faedah, dividen dan lain-lain

Pendapatan YTR adalah daripada dividen syarikat usaha sama, faedah pelaburan, keuntungan jualan dan dividen saham tersiar harga, dividen unit amanah, pendapatan lain dari pelaburan dan derma. Pendapatan diambilkira berdasarkan kaedah akruan.

(k) Tahap Pembundaran

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam angka bulat.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

4 RISIKO-RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

(a) Risiko kecairan dan aliran tunai

YTR sentiasa memastikan aktivitinya dijalankan pada tahap kecairan yang optima pada setiap masa agar cukup untuk menampung aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaannya. Oleh itu, polisi ini adalah untuk memastikan operasi dan aktivitinya melalui pengurusan modal kerja yang cekap, akan berupaya untuk menukarkan aset-aset semasa kepada tunai untuk memenuhi segala permintaan bayaran dan pada masa yang ditetapkan. YTR juga akan berusaha menetapkan tahap kawalan kredit sentiasa berada dalam kemampuan untuk memenuhi keperluan kecairan di samping memastikan pengurusan modal kerja yang cekap.

(b) Risiko pasaran

YTR adalah terdedah kepada risiko pasaran yang terutamanya terdiri daripada perubahan di dalam harga pasaran pelaburan ekuitinya. Risiko kerugian adalah diminimumkan melalui analisa yang menyeluruh sebelum sebarang pelaburan dilakukan dan pengawasan yang berterusan ke atas pencapaian pelaburan tersebut. YTR mengoptimalkan keuntungan pelaburannya melalui penjualan dan pelupusan pelaburan selepas melakukan analisa yang menyeluruh.

(c) Risiko kadar faedah

YTR adalah terdedah kepada risiko kadar faedah iaitu risiko di mana nilai instrumen kewangan akan turun naik hasil daripada perubahan di dalam kadar faedah pasaran.

5 PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	(RM)	(RM)
Kos saham tidak tersiar harga	27,641,265	27,641,265
	<u>27,641,265</u>	<u>27,641,265</u>

Butiran mengenai syarikat usaha sama dan kepentingan ekuiti di dalamnya adalah seperti berikut:-

<u>Nama Syarikat</u>	<u>Efektif Pegangan Ekuiti</u>		<u>Aktiviti Utama</u>
YTR Harta Sdn. Bhd.	2023	2022	Pelaburan Hartanah
	20%	20%	

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

6 PAJAKAN BELUM TERIMA

Pajakan Belum Terima merujuk kepada sebidang tanah pegangan pajak selama 99 tahun yang didermakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1979. Pada 1 Disember 1995, YTR telah menandatangani satu perjanjian usaha sama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membangunkan tanah berkenaan dengan membina sebuah bangunan pejabat. Mengikut perjanjian usaha sama, YTR dikehendaki memajakkan baki tempoh pajakan ke atas tanah berkenaan kepada syarikat usaha sama dengan imbalan pajakan sebanyak RM1.

7 INVENTORI

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Buku "Fulfilling A Legacy"	39,330	54,855
Pingat	19,305	24,453
	<u>58,635</u>	<u>79,308</u>

8 DEPOSIT DAN PELBAGAI PENGHUTANG

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Deposit Kad Akses Pejabat	100	100
Deposit Sewa Pejabat	3,600	3,600
Deposit Sewa Stor	2,200	2,200
Deposit Utiliti Stor	1,100	1,100
Dividen Belum Terima	10,886	-
Pendahuluan Sewa Stor	3,030	3,030
	<u>20,916</u>	<u>10,030</u>

9 PELABURAN ASET KEWANGAN

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Pelaburan Sekuriti Hutang	32,196,997	32,677,321
Pelaburan Saham Tersiar Harga	11,133,443	11,958,742
	<u>43,330,440</u>	<u>44,636,063</u>

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

9 PELABURAN ASET KEWANGAN (SAMB')

Berikut adalah keuntungan, kerugian, perbelanjaan atau hasil bagi Pelaburan Sekuriti Hutang dan Pelaburan Saham Tersiar Harga bagi tahun berakhir 31 Disember 2023:

a) <u>Pelaburan Sekuriti Hutang</u>	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Hasil		
- Faedah Pelaburan	1,361,984	3,234,586
- (Rugi)/Untung Terealisasi	(22,550)	62,124
- Dividen Pelaburan Unit Amanah	180,137	210,285
Perbelanjaan		
- Pelunasan	64,883	64,079

b) <u>Pelaburan Saham Tersiar Harga</u>	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Hasil		
- (Kerugian)/Keuntungan Nilai Saksama	(334,869)	65,691
- Dividen	627,740	363,540
- Rugi Terealisasi	(345,986)	(333,054)

Pelaburan aset kewangan dibuat atas kebenaran YB Menteri Kewangan dan diurus oleh bank pelaburan. Pelaburan Sekuriti Hutang terdiri daripada Bon Korporat dan Unit Amanah. Pelaburan saham tersiar harga adalah saham-saham yang berstatus *Trustee Stocks* di Bursa Malaysia.

10 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Tunai di Tangan	10	111
Tunai di Bank	5,496,056	4,155,058
	5,496,066	4,155,169

YAYASAN TUN RAZAK

(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

11 REZAB PENILAIAN SEMULA

Tanah pegangan pajak dinyatakan mengikut perjanjian usahasama di antara Yayasan Tun Razak dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bertarikh 1 Disember 1995 dengan kadar RM430 bagi satu kaki persegi (68,523).

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
Kos	(RM)	(RM)
Tanah pegangan pajak dinyatakan mengikut perjanjian pada 1 Disember 1995 dengan kadar RM430 bagi satu kaki persegi (68,523)	29,464,890	29,464,890
	<u>29,464,890</u>	<u>29,464,890</u>

12 PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan merupakan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2017 bagi menjayakan program dan aktiviti YTR. Perbelanjaan aktiviti dalam sesuatu tahun kewangan dilunaskan dalam tahun tersebut.

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	(RM)	(RM)
Pada awal tahun kewangan	-	197,280
	-	197,280
Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk untung atau rugi		
Anugerah Graduan Terbaik Universiti	-	42,212
Bantuan Kewangan Pelajar Miskin	-	152,250
Majlis Mengenang 100 Tahun Tun Abdul Razak	-	2,818
Pada akhir tahun kewangan	-	-

13 HASIL

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	(RM)	(RM)
Geran Kerajaan	-	197,280
Kerugian Pelunasan Bon	(64,883)	(64,079)
Kerugian Jualan Aset Kewangan	(368,536)	(270,930)
Pendapatan Dividen Pelaburan Saham Tersiar Harga	627,740	363,540
Pendapatan Dividen Pelaburan Unit Amanah	180,137	210,285
Pendapatan Faedah Pelaburan	1,361,984	3,234,586
	<u>1,736,442</u>	<u>3,670,682</u>

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

14 PERBELANJAAN KAKITANGAN

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	(RM)	(RM)
Caruman KWSP	37,016	30,601
Caruman PERKESO	2,080	1,798
Caruman SIP	238	206
Gaji dan Bonus	247,258	229,168
Gratuiti	-	368,555
Insuran Kakitangan	5,360	5,360
Perubatan Kakitangan	1,146	705
	<u>293,098</u>	<u>636,393</u>

15 PERBELANJAAN OPERASI YANG LAIN

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	(RM)	(RM)
Anugerah Graduan Terbaik Universiti	25,148	43,397
Bantuan Kewangan Pelajar Miskin	-	152,250
Derma	5,000	4,000
Elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga	42,282	41,500
Pengangkutan dan Perjalanan	8,482	2,741
Perbelanjaan Mesyuarat dan Kursus	15,233	4,878
Majlis Mengenang 100 Tahun Tun Abdul Razak	-	33,350
Program Mengenang Negarawan Tun Razak	100,651	-
Program Kepimpinan Tun Razak	181,142	-
Percetakan dan Alatulis	397	1,245
Pos	1,724	390
Perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan	4,662	759
Perbelanjaan Peralatan Pejabat	505	-
Penalti	9,478	-
Sewa Pejabat dan Stor	33,720	31,890
Sumbangan Buku	15,525	10,005
Telefon dan Internet	2,110	1,697
Yuran Akaun	10,400	10,800
Yuran Audit – Tahun Semasa	10,820	10,820
Yuran Ejen Cukai	5,820	5,085
Yuran Pengurus Dana	75,547	71,861
Yuran Guaman	-	7,560
Caj Bank	2	53
Caj Pesuruhjaya Sumpah	30	12
	<u>548,678</u>	<u>434,293</u>

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

16 CUKAI

(a)	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Peruntukan Cukai Tahun Semasa	24,417	460,010
Peruntukan Terkurang Nyata di Tahun Sebelumnya	88,248	18,006
	<u>112,665</u>	<u>478,016</u>

Penyata penyesuaian cukai yang dikenakan ke atas keuntungan sebelum cukai pendapatan cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai berkesan adalah seperti berikut:

	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Keuntungan sebelum cukai	559,797	2,665,693
Cukai pada kadar berkanun Malaysia 24% (2022: 24%)	134,351	639,766
Terkurang nyata peruntukan tahun lepas	88,248	18,006
Kesan cukai pada perbelanjaan yang tidak ditolak	83,956	80,402
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(193,890)	(260,158)
	<u>112,665</u>	<u>478,016</u>

(b) Pergerakan tahun semasa	<u>2023</u> (RM)	<u>2022</u> (RM)
Baki 1 Januari	87,466	276,482
Peruntukan cukai tahun semasa (a)	(24,417)	(460,010)
Pembayaran cukai	548,258	289,000
Peruntukan terkurang nyata di tahun sebelumnya	(88,248)	(18,006)
Baki 31 Disember	<u>523,059</u>	<u>87,466</u>

Cukai belum terima daripada pihak LHDNM sehingga 31 Disember 2022 :

	(RM)
Baki 31 Disember 2022	87,466
Penggunaan kredit cukai bagi menjelaskan ansuran cukai 31 Disember 2023	259,258
Peruntukan cukai terkurang nyata pada tahun 2022	(88,248)
Cukai belum terima daripada pihak LHDNM sehingga 31 Disember 2022	<u>258,476</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

17 PERUNTUKAN GRATUITI

Kadar gratuiti yang ditetapkan pada Mesyuarat Lembaga 5 Mei 2021 adalah pada 7.5%.

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	<u>(RM)</u>	<u>(RM)</u>
Baki pada 1 Januari	368,555	-
Tambahan peruntukan	-	368,555
Baki pada 31 Disember	<u>368,555</u>	<u>368,555</u>

18 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Pihak berkaitan dengan YTR mempunyai keupayaan secara langsung/tidak langsung untuk mengawal bersama entiti dalam membuat keputusan kewangan dan operasi/sebaliknya. Pihak berkaitan termasuk Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah.

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	<u>(RM)</u>	<u>(RM)</u>
Elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga	<u>42,282</u>	<u>41,500</u>

